



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

ANUGERAH SUKAN KOLEJ KOMUNITI 2024: SUKAN HEBAT, SAHSIAH MENDUNIA

Anugerah Sukan Kolej Komuniti 2024 dengan tema 'Sukan Hebat, Sahsiah Mendunia' telah berlangsung dengan jayanya malam tadi di Klana Resort Seremban. Anugerah yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM) ini telah disempurnakan oleh Ts. Hj. Kamaludin bin Daud, Timbalan Pengarah Ketua Pengarah (Governan), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Dalam ucapan perasmian beliau ada menyebut bahawa penganjuran anugerah ini adalah sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan dan komitmen yang ditunjukkan atlet dan pegawai yang mengharumkan nama Kolej Komuniti dalam arena sukan di pelbagai peringkat. Beliau juga menambah yang pengiktirafan sebegini bukan sahaja mampu menjadi dorongan kepada para atlet, malah turut menjadi dorongan motivasi positif kepada seluruh warga Kolej Komuniti amnya. Majlis seumpama ini juga dapat menjadi satu wadah khas dalam penyatuan antara warga sukan di Kolej Komuniti.

Pengerusi Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM), Ts. Suhairi bin Ismail dalam ucapan aluannya menyatakan bahawa sepanjang tahun 2024 Kolej Komuniti Malaysia telah mencapai pelbagai kejayaan yang membanggakan. Antaranya Naib Johan Kategori Elit di *Grand Final Kejohanan Varsity Sepak Takraw League 2024*, Johan Putra B Kejohanan Silat IPT Pahang 204, Johan 200M *Varsity Track & Field 2024*, memungut 3 pingat emas di Kejohanan *South East Asia Canoe Championship (SEACC) Vietnam 2024* dan pencapaian terbaik Kolej Komuniti Malaysia sepanjang penyertaan Sukan IPT (SUKIPT) dengan meraih pingat sebanyak 6 emas, 9 perak dan 1 gangsa yang berlangsung pada 6 hingga 14 September 2024 di Universiti Utara Malaysia.

Encik Muhammad Sani bin Che Idris yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Sukan Kolej Komuniti Melaka Negeri Sembilan merangkap Pengerusi Anugerah Sukan Kolej Komuniti 2024 ketika ditemui menyatakan, “Sukan bukan sekadar aktiviti rekreasi, ia merupakan satu medium dalam membentuk sahsiah pelajar agar berdaya saing dan berkualiti. Atas dasar inilah, tema “Sukan Hebat, Sahsiah Mendunia” telah dipilih pada majlis kali ini. Majlis anugerah ini juga bertujuan menyuntik motivasi kepada pelajar dan anggota agar terus berusaha dalam akademik dan kokurikulum”.

Antara penerima Anugerah Sukan Kolej Komuniti 2024 adalah seperti di bawah;

1. ANUGERAH OLAHRAGAWAN KOLEJ KOMUNITI – PENGIRAN AIDIL AUF BIN HAJAM @ PG. ROSLIE (KOLEJ KOMUNITI SANDAKAN) (SUKAN OLAHRAGA)
2. ANUGERAH OLAHRAGAWATI KOLEJ KOMUNITI - SITI NURFAZLIYANA BINTI MOHD AZROL ISHAM (KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU) (SUKAN WOODBALL)
3. ANUGERAH IKON SUKAN KOLEJ KOMUNITI (ALUMNI) - RADZWIL BIN AHMAD (KOLEJ KOMUNITI TAWAU)
4. ANUGERAH PASUKAN TERBAIK - SEPAK TAKRAW
5. ANUGERAH JURULATIH SUKAN TERBAIK - MOHD FAUZI BIN RAHMAT SAM (KOLEJ KOMUNITI ROMPIN)
6. ANUGERAH PENGURUS SUKAN TERBAIK - NAZLIAH BINTI MAMAT (KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR)
7. ANUGERAH PENGANTARABANGSAAN SUKAN - MOHD NORISZAM BIN ABU BAKAR (KOLEJ KOMUNITI KOK LANAS)
8. ANUGERAH KHAS PENYELARAS SUKAN CEMERLANG - NAZLIAH BINTI MAMAT (KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR)
9. ANUGERAH KHAS PEGAWAI BELIA DAN SUKAN - MOHD KHAIRAN BIN AZHAR (KOLEJ KOMUNITI LANGKAWI)
10. ANUGERAH KHAS TOKOH SUKAN - TUAN HAJI WAN MOHAMAD NASIR BIN WAN ABDUL RAHMAN (MANTAN PENGARAH BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR, JPPKK)
11. ANUGERAH KHAS MASKOM - TS. ABDUL RAZAK BIN SABTU (PENGARAH KANAN (AKADEMIK), JPPKK)

-TAMAT-